

26/02/2003

KDN rai anggota polis

KEMENTERIAN Dalam Negeri (KDN) akan meraikan anggota polis yang bertugas pada Sidang Kemuncak NAM dalam satu majlis khas di Pusat Latihan Polis (Pulapol) Kuala Lumpur, lusa.

Ketua Setiausahanya, Datuk Seri Aseh Che Mat, berkata majlis itu sebagai tanda penghargaan kerajaan kepada petugas berkeñaan yang memberikan komitmen tinggi sepanjang persidangan dilangsungkan bermula 20 Februari lalu.

Beliau berkata, Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dijangka menghadiri majlis sarapan pagi itu, manakala Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka menghadiri majlis makan malam bersama anggota polis yang bertugas, esok.

Sementara itu, Timbalan Ketua Polis Negara, Tan Sri Jamil Johari yang meninjau IMC dan kawasan persidangan berkata, polis memberikan komitmen tinggi bagi memastikan kelancaran sidang antarabangsa itu.